

## KHUTBAH JUMAAT

### "RAMADAN MENGEMBALIKAN INSAN KEPADA FITRAH" (15 Mac 2024M/ 4 Ramadan 1445H)

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُؤْتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Marilah kita menumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Cukup-cukuplah kita dengan perbuatan-perbuatan yang boleh menghilangkan ganjaran pahala Jumaat. Usah bercakap-cakap, simpanlah telefon bimbit untuk seketika. Semoga khutbah yang disampaikan dapat diambil panduan dan pesanannya. Marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk: "**Ramadan Mengembalikan Insan Kepada Fitrah**".

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kita telah pun berada di bulan Ramadan *al-Mubarak*. Bulan yang diwajibkan kita berpuasa, digandakan pahala setiap amalan, dibukakan pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan dirantai syaitan-syaitan. Abu Hurairah *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((إِذَا دَخَلَ شَهْرُ رَمَضَانَ فُتِّحَتْ أَبْوَابُ الرَّحْمَةِ وَغُلِقَتْ أَبْوَابُ جَهَنَّمَ  
وَسُلِّسِلتِ الشَّيَاطِينَ ))

**Maksudnya :** Apabila telah tiba bulan Ramadan, maka terbukalah semua pintu rahmat dan ditutup semua pintu neraka serta syaitan-syaitan dirantai".

(*Hadis riwayat Imam Ahmad*)

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Ramadan dan kewajipan berpuasa merupakan medan latihan pembangunan insan yang dapat membersih diri melawan hawa nafsu dan godaan syaitan untuk menjadikan kita hamba Allah *subhanahu wata'ala* yang bertakwa. Sesungguhnya, puasa dapat menghilangkan sifat-sifat keji (*mazmumah*) di dalam diri seterusnya melahirkan sifat-sifat terpuji (*mahmudah*) melalui amalan-amalan atau ibadat-ibadat yang dilakukan sepanjang bulan Ramadan. Amalan tersebut yang dilakukan dengan penuh keimanan dan keinsafan dapat mengembalikan kita kepada fitrah iaitu dalam keadaan diri kita suci bersih tanpa sebarang dosa.

Sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*:

(( مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفْرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبٍ ))

**Maksudnya :** Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan kepada ganjarannya akan diampunkan segala dosanya yang terdahulu.

( *Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim* )

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Di antara potensi pembangunan insan melalui pelaksanaan ibadah dalam bulan ramadan dapat mengilap tiga kekuatan dalam diri manusia iaitu:

#### **Pertama: Kecerdasan akal.**

Akal dapat ditajamkan melalui ketekunan dalam melaksanakan puasa. Berdasarkan kajian saintifik, semasa berpuasa darah dalam tubuh manusia dipenuhi dengan lebih banyak hormon *endorfin*, yang seterusnya akan memberikan rasa kesejahteraan dan kesihatan kepada mental dan otak. Kajian tersebut juga menunjukkan hubungan yang berkait rapat antara puasa dan kemahiran berfikir.

#### **Kedua: Kekuatan rohani dan emosi.**

Rohani dan emosi dapat dididik melalui puasa, memperbanyakkan amalan sunat seperti sedekah, tadarus al-Quran dan qiyamullail, serta menahan diri daripada menurut kehendak hawa nafsu dan godaan syaitan dalam kehidupan harian.

**Ketiga:** Kekuatan fizikal - secara saintifik ibadah puasa telah dibuktikan mampu membantu meningkatkan kesihatan fizikal manusia seperti menurunkan berat badan, menjaga kesihatan jantung, meningkatkan *metabolisme* tubuh dan mengurangkan risiko penyakit kencing manis.

Maka, berdasarkan kepada 3 kekuatan yang telah disebutkan tadi, akan terbentuklah jati diri sebagai seorang muslim yang mampu melaksanakan tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara. Dalam usaha membangunkan ummah, agar lebih sempurna dan diredhai oleh Allah *subhanahu wata'ala* maka hendaklah kekuatan-kekuatan tersebut disandarkan kepada keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

### **Kaum muslimin yang berbahagia,**

Bersempena bulan Ramadan yang mulia ini marilah kita bersama-sama berusaha meningkat dan menghidupkan seberapa banyak amalan yang boleh mendekatkan diri kita dengan Allah *subhanahu wata'ala* seperti bertadarus al-Quran, mendirikan solat sunat tarawih secara berjemaah, memperbanyakkan amalan bersedekah dan sebagainya. Abdullah Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* meriwayatkan di dalam sebuah hadis yang berbunyi :

((كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ بِالْخَيْرِ وَكَانَ أَجْوَدَ مَا يَكُونُ فِي شَهْرٍ رَمَضَانَ ...))

**Maksudnya** : Adalah Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam itu manusia yang paling baik (pemurah) dengan membuat kebajikan dan baginda sallallahu alaihi wasallam paling pemurah di bulan Ramadan.

( Hadis riwayat Imam Muslim)

Dalam masa yang sama kita menjauhi daripada melakukan maksiat. Pastikan ibadah puasa yang kita laksanakan tidak sia-sia sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah radiallahu anhu bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam telah bersabda:

(( رَبُّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا جُنُوْعٌ وَرَبُّ قَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ قِيَامِهِ إِلَّا السَّهْرُ ))

**Maksudnya** : Boleh jadi orang yang berpuasa itu tidak mendapat apa-apa daripada puasanya melainkan lapar dan boleh jadi orang yang berqiyam itu tidak mendapat apa-apa daripada qiyamnya melainkan hanya berjaga malam”.

(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah)

**Kaum muslimin yang dikasihi Allah,**

Pengajaran yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

**Pertama** : Puasa yang dilaksanakan dengan penuh keimanan dan keinsafan akan mendapat pengampunan dosa-dosa yang terdahulu daripada Allah subhanahu wata’ala.

**Kedua** : Puasa mendatangkan banyak manfaat dalam pembentukan diri manusia sama ada dari segi akal, rohani, emosi dan fizikal.

**Ketiga** : Sentiasa berusaha melaksanakan ibadah puasa dan amalan-amalan sunat yang lain dengan sesempurna mungkin.

Akhirnya, marilah sama-sama kita menghayati firman Allah subhanahu wata'ala di dalam Surah an-Nahl, ayat 97 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
مَنْ عَمِلَ صَلِحًا مِنْ ذَكْرٍ أَوْ أُنْشَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْبِيَنَّهُ وَ حَيَاةً طَيِّبَةً صَدِيقَةً  
وَ لَنُجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (٩٧)

**Maksudnya:** Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan Dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلٰهَ اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّمَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِنَّمَا عِبَادَ اللّٰهِ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Berdasarkan keadaan cuaca yang tidak menentu, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya bencana di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, teruskanlah mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan berbuka dan bersahur adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى :

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلٰئِيلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلٰئِيلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلٰئِيلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلٰئِيلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُقَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dada. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا صَلَاتُنَا وَصِيَامُنَا وَتَحْشِّعُنَا وَتَضَرُّعُنَا وَتَعْبُدُنَا وَتَمِّمْ  
تَقْصِيرُنَا، يَا اللَّهُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا  
رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.